


Ekstrak lebih minyak, jana lebih pendapatan

PATEN hasil penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Abdul Azis Ariffin berjaya meningkatkan kadar pengeluaran minyak sawit sebanyak dua ke empat peratus bersamaan RM1 juta ke RM5 juta per kilang. Kiraan ini berdasarkan RM1,000 per tan bagi kelapa sawit mentah.

Ketika ini kadar pengekstrakan minyak sawit kebangsaan berada pada tahap purata 20 peratus menggunakan teknik konvensional sejak 60 tahun lalu.

Dr. Azis berjaya memperkenalkan sistem yang dapat mengoptimumkan penggunaan kuasa stim se-



masa proses pensterilan tanpa perlu melalui turbin sebagaimana sistem sedia ada.

Dengan paten yang dikenali Penambahbaik Proses Pensterilan Meningkatkan Kadar Penghasil-

an Minyak Sawit itu, minyak sawit berkualiti tinggi dan premium dihasilkan kerana mengandungi karotin dan pro-Vit A.

Selain itu, bahan yang dianggap sisa buangan dalam sistem semasa juga boleh digunakan sebagai sumber penting untuk penghasilan gula tiruan seperti xylose.

Hasil penggunaan paten ini akan memperbanyakkan minyak sawit yang bebas bahan sisa dan lebih sihat untuk kegunaan manusia.

Penyelidik paten boleh dihubungi melalui talian 012-6998792 atau e-mel abdulazis@putra.upm.edu.my.